

Lukisan PM, Endon dijual untuk kutip derma mangsa banjir

BH
3/2

KUALA LUMPUR: Lukisan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood yang dilakar oleh pelukis tersohor China dibuka untuk jualan dengan tawaran minimum RM800,000, sebagai mengutip derma untuk tabung mangsa banjir.

Timbalan Perdana, Menteri Datuk Seri Najib Razak, berkata hasil jualan lukisan yang dilakarkan oleh Prof Deng Nai Rong itu akan disalurkan kepada mangsa banjir di Johor.

“Profesor Deng Nai Rong melukis sebuah lukisan Perdana Menteri dan isterinya dan dia berhasrat untuk menawarkan lukisan itu untuk dibeli sesiapa dengan semua pendapatan diserahkan kepada Tabung Bencana Negara,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Najib yang mengkagumi lukisan cat minyak Abdullah dan Endon yang bersaiz 120smx150sm dengan berlatarbelakangkan pesawat MAS, meminta pembeli yang berminat supaya menghubungi Pengarah Direktorat Bencana dan Krisis, Bahagian Ke-

selamatan Negara, Muin Umar di talian 012-295 3155.

Lukisan itu adalah lakaran gambar Abdullah mahu menghantar Endon untuk mendapat rawatan di luar negara kira-kira dua tahun lalu dan ianya mula dilukis pada 2006.

Deng, 74, yang pernah menjual lukisannya bertajuk ‘Dawn’ (Fajar) dengan nilai HK2.6 juta di Hong Kong, berkata beliau tertarik dengan Abdullah dan berusaha untuk mendapatkan gambarnya dari pejabat Perdana Menteri untuk dilukis.

Abdullah adalah pemimpin Malaysia pertama yang diabadikan oleh Deng, terkenal dengan gelaran ‘Artis Kraf Tangan Kelas Pertama Republik Rakyat China’.

“Saya kali pertama melihat Abdullah semasa beliau diumumkan menjadi Perdana Menteri Malaysia. Dari karismanya, saya yakin Abdullah membawa lebaran baru untuk negara ini,” katanya.

Lukisan bertajuk ‘Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah bersama isteri, Datin Seri Endon’ itu disimpan di pejabat Najib. – Bernama



HASIL SENI: Najib bersama Deng yang menyumbang lukisan minyaknya bertajuk ‘Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah bersama isteri, Datin Seri Endon’ kepada Jawatankuasa Kabinet Bencana Alam untuk dijual bagi membantu mangsa banjir, di pejabatnya di Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur, semalam.